



# KENYATAAN MEDIA

**UNTUK EDARAN SEGERA**

## CIDB BAKAL MEMPERLUASKAN MAKMAL PENGUJIAN REL DI SUNGAI BULOH

**KUALA LUMPUR, 14 Jun 2023:** Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) hari ini mengumumkan kerjasama dengan Universiti Teknologi Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menerusi pembangunan makmal pengujian rel di premis *Metro System Academy* (MSA) UTHM di Sungai Buloh.

Fasiliti pengujian rel yang akan dibangunkan ini mempunyai keluasan 24,165 kaki persegi dan akan mempunyai kapasiti untuk pengujian bagi produk infrastruktur rel seperti *precast concrete railway sleepers, composite sleepers, bearers* dan *rail track*. Makmal ini juga berkeupayaan menjalankan pengujian bagi sistem infrastruktur rel seperti kombinasi *sleepers, trek* dan *fastener* serta *welded joint*. Antara jenis pengujian adalah seperti *bending moment test on sleepers, bending moment test on rail seat, dynamic load test on rail seat, fatigue test on rail seat, insert pull out test, bend test on rail track, chemical composition test, hardness test* dan *dynamic/fatigue test*.

Makmal ini kelak akan dapat menyediakan kemudahan kepada penggiat industri pembinaan untuk mendapatkan perkhidmatan pengujian dan pensijilan produk bahan binaan. Ianya sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada makmal di luar negara dan seterusnya menjimatkan kos dan masa.

Pengujian makmal terhadap produk bahan binaan termasuk komponen rel adalah menjadi kewajipan dalam mendapatkan Perakuan Pematuhan Standard (PPS) oleh CIDB seperti yang digariskan di dalam Akta 520 CIDB. Tujuannya adalah untuk memastikan penggunaan bahan binaan yang berkualiti dan menepati standard sahaja digunakan. Ini bagi melindungi pengguna daripada mendapat produk dan bahan binaan yang tidak berkualiti dan seterusnya menjamin keselamatan awam.

Ketiadaan makmal pengujian rel yang lengkap di dalam negara menyebabkan penggiat industri terpaksa membuat pengujian di luar negara yang memakan kos yang tinggi. Mengikut statistik pengimportan dari tahun 2018 sehingga 2022 sebanyak 89.1 juta tan produk rel telah diimport dari pelbagai negara termasuklah China, Rusia dan Turki. Bilangan ini dijangka bertambah seiring dengan keperluan industri pembinaan semakin berkembang selepas era pandemik.

Oleh itu, CIDB melihat perlunya mewujudkan fasiliti pengujian rel bagi memenuhi keperluan industri selaras dengan usaha kerajaan untuk memperluaskan rangkaian rel di dalam bandar, antara bandar seperti Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS), Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB) serta projek jangka panjang seperti Rel Berkelajuan Tinggi (HSR) dan Sistem Rapid Transit (RTS).

---

### **Mengenai CIDB**

*Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.*

---

---

## **Mengenai Metro System Academy (MSA) UTHM**

*Metro System Academy (MSA) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia ditubuhkan sebagai sebuah jabatan yang menjadi kebanggaan UTHM selari dengan visi dan misi universiti tersebut iaitu ke arah Global Technopreneur University 2030 (GTU 2030) melalui kerjasama strategik antara UTHM dan Mass Rapid Transit Corporation (MRT Corp.) dengan mengguna pakai kemudahan MRT Corp. di Sungai Buloh untuk manfaat bersama. Melalui kerjasama tersebut, MSA berfungsi sebagai jabatan untuk pengajaran dan pembelajaran program teras dan bukan teras, penawaran latihan dan akreditasi, pembangunan sumber manusia (profesional staf dan kebolehpasaran graduan) serta pengujian dan analisis.*

---